



FAQ DERMA ORGAN (BM)

1. Adakah pendermaan organ dan tisu akan mencacatkan jenazah?

Proses pendermaan organ dan tisu tidak akan menjejaskan rupa dan bentuk tubuh jenazah. Pengkebumian boleh dijalankan seperti biasa.

2. Siapakah yang berkelayakan untuk menjadi penderma organ?

Sesiapa boleh mendaftarkan diri sebagai penderma organ dan tisu kecuali bagi mereka yang menghadapi penyakit berjangkit seperti HIV-AIDS, hepatitis B and C, and syphilis. Anda juga perlu melengkapkan penilaian perubatan dan psikososial. Risiko-risiko yang terlibat juga akan dimaklumkan sepenuhnya kepada anda. Kepada mereka yang berusia 18 tahun ke bawah, kebenaran bertulis daripada ibu bapa adalah diperlukan.

3. Adakah semasa bedah siasat (post mortem), organ dan tisu akan diambil tanpa pengetahuan waris?

Proses pengambilan organ dan tisu untuk tujuan transplantasi hanya boleh dilakukan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada waris. Proses pengambilan organ selalunya dilakukan di dewan bedah, berbeza daripada proses bedah siasat.

4. Adakah agama Islam tidak membenarkan pendermaan organ?

Di negara-negara seperti Malaysia, Mesir, Arab Saudi, Iran, Pakistan dan Singapura, umat Islam dibenarkan berikrar serta mendermakan organ dan tisu mereka mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

5. Adakah sebagai pengikrar pendermaan organ, rawatan semasa saya di hospital akan terjejas?

Rawatan hospital tidak akan terjejas. Bahkan rawatan terbaik tetap diberikan kepada semua tanpa mengira sama ada pengikrar penderma organ atau tidak.

6. Adakah semua organ daripada pengikrar akan diambil setelah meninggal dunia?

Tidak semestinya. Pendermaan organ akan dilakukan berdasarkan kriteria berikut:

- I. Hanya organ dan tisu yang didermakan oleh keluarga.
- II. Organ dan tisu itu masih berfungsi dan boleh digunakan selepas kematian.
- III. Ada penerima sesuai yang menunggu.

7. Sekiranya seorang meninggal di rumah, adakah dia boleh menjadi penderma organ dan tisu?

Hanya pendermaan mata sahaja yang boleh dilakukan sekiranya meninggal di rumah (prosedur akan dijalankan di rumah).

8. Adakah organ dan tisu individu yang meninggal dunia kerana jangkitan covid-19 boleh didermakan?

Organ dan tisu individu yang meninggal dunia akibat jangkitan COVID-19 tidak boleh didermakan kerana organ dan tisu individu yang meninggal dunia akibat jangkitan COVID-19 berisiko menjangkiti penerima.

9. Siapakah yang boleh menderma organ semasa hidup?

Di Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia hanya membenarkan pendermaan organ semasa hidup kepada ahli keluarga terdekat yang mempunyai pertalian darah. Ini termasuk pasangan kembar seiras, ahli keluarga darjah pertama (“first degree relative”) dan ahli keluarga darjah kedua (“second degree relative”). Anda juga boleh menderma kepada suami atau isteri yang sah.

10. Adakah seseorang penderma organ yang masih hidup boleh untuk menderma organnya kepada mereka yang tidak mempunyai pertalian darah dengannya?

Sekiranya anda mahu menderma organ kepada seseorang yang tidak mempunyai pertalian darah atau ahli keluarga yang jauh (ahli keluarga darjah ketiga ke atas), anda perlu menjalani penilaian oleh satu Jawatankuasa bebas dilantik oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Anda mungkin diberikan kelulusan untuk pendermaan organ berdasarkan kepada penilaian Jawatankuasa bebas tersebut.

11. Siapakah yang tidak boleh menderma organ semasa hidup?

Kanak-kanak dan orang kurang upaya mental tidak dibenarkan untuk menderma organ semasa mereka masih hidup. Banduan penjara juga tidak dibenarkan untuk menderma organ kecuali di dalam keadaan tertentu melibatkan nyawa ahli keluarga terdekat. Walau bagaimanapun, proses pendermaan organ ini masih memerlukan kelulusan dari Kementerian Kesihatan Malaysia dan lain-lain badan berkuasa yang berkaitan.

12. Apakah organ dan tisu yang boleh didermakan oleh penderma semasa hidup?

Hanya terdapat dua organ yang boleh didermakan oleh penderma organ semasa hidup iaitu salah satu buah pinggang atau sebahagian hati (*heper*).

13. Apakah kelebihan pembedahan transplan dari penderma organ yang masih hidup?

Dapat mengurangkan masa menunggu pesakit kerana pembedahan transplan ini dapat dilakukan pada waktu yang sesuai. Selain itu, pembedahan transplan ini dapat dilakukan secara elektif mengikut kesesuaian keadaan kesihatan kedua-dua penderma serta penerima pembedahan transplan. Di samping itu, organ dari penderma hidup dapat berfungsi dengan lebih baik berbanding organ dari penderma kadaverik. Kebanyakan buah pinggang dari penderma hidup dapat berfungsi dengan baik sejurus selepas pembedahan transplan dilakukan. Buah pinggang ini juga terus berfungsi dengan lebih lama dan lebih baik berbanding organ dari penderma kadaverik.

14. Bolehkah seorang penderma organ diberi bayaran?

Jual beli organ adalah dilarang. Pesakit yang menerima organ tersebut jugak tidak dibenarkan membuat sebarang bayaran kepada penderma. Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga tidak akan membuat sebarang bayaran sekiranya anda telah menderma organ.

15. Apakah risiko pendermaan organ semasa hidup?

Secara umumnya, pendermaan organ tidak akan mengubah gaya hidup anda. Kebanyakan penderma pulih sepenuhnya dan boleh melakukan aktiviti harian seperti biasa beberapa minggu selepas pembedahan dijalankan.

16. Bagaimana saya ingin mendaftar pendermaan organ dalam aplikasi MySejahtera?

- I. Log masuk pada akaun MySejahtera anda
- II. Pada bahagian menu atas laman tersebut, klik pada ikon ikrar pendermaan organ
- III. Pilih nama pengguna utama
- IV. Klik “saya ingin berikrar” untuk menjawab beberapa soalan
- V. Klik butang hantar

Setelah klik pada butang hantar, pengguna perlu muat semula profil untuk melihat kad ikrar pendermaan organ.

17. Adakah penamaan waris yang diisi dalam borang akan mendapat notifikasi jika penderma membuat pendaftaran pendermaan organ?

Ya, nama waris yang diisi dalam borang akan mendapat notifikasi pemakluman tentang ikrar pendermaan organ oleh pendermasekiranya beliau merupakan pengguna MySejahtera yang telah mendapat verifikasi dan telah membenarkan notifikasi MySejahtera dalam tetapan telefon beliau.

18. Adakah saya boleh menarik diri setelah mendaftar sebagai penderma organ?

Ya, pengguna boleh menarik diri pada bila-bila masa.

19. Apakah yang saya perlu lakukan jika saya ingin menarik balik pendaftaran pendermaan organ?

Sebaik sahaja pengguna selesai menghantar borang ikrar sebagai penderma organ, butang “*withdraw*” akan terpapar. Jadi pengguna boleh menekan butang tersebut bagi menarik balik pendaftaran pendermaan organ.

20. Sekiranya saya baru sahaja menarik diri sebagai penderma organ, adakah saya boleh memohon semula sebagai penderma organ?

Apabila pengguna memohon untuk menarik diri sebagai penderma organ, kad ikrar penderma organ akan bertukar kepada warna kelabu selama 14 hari. Jika pengguna ingin memohon semula sebagai penderma organ, pengguna hanya boleh memohon semula selepas 14 hari dari hari pembatalan.

21. Bolehkah saya berikrar bagi pihak tanggungan saya?

Hanya pengguna utama MySejahtera sahaja yang boleh berikrar dan anda tidak boleh berikrar bagi pihak tanggungan anda.

Disediakan oleh:

MySejahtera

Kementerian Kesihatan Malaysia

Dikemaskini 4 Oktober 2022



FAQ DONOR ORGAN (ENGLISH)

1. Will organs and tissues donation disfigure the donor's body?

No. Organs and tissues donation will not cause any physical disfigurement. Even an open casket funeral is still possible.

2. Who is eligible to become a donor?

Anyone can sign up to be an organ and tissue donor except those suffering from infectious disease such as HIV-AIDS, hepatitis B and C, and syphilis. You also need to complete a full medical and psychosocial evaluation and also be fully informed of the risks involved. For those aged less than 18 years, written permission from parents is required.

3. Will organs and tissues be taken during autopsy (post mortem) without the next of kin or family's permission?

No. No organs or tissues will be removed without the consent of the next of kin or family. Organ donation is different from autopsy (post mortem) and is usually done in the operating theatre.

4. Does Islam permit organ donation?

Yes. Most countries including Malaysia, Egypt, Saudi Arabia, Iran, Pakistan and Singapore allow Muslims to pledge and donate their organs.

5. Will hospital treatment be affected if they know you are an organ donor pledger?

Absolutely not. The medical staff will do their utmost to treat a patient regardless whether the patient is a pledger or not.

6. Will all the organs be removed from an organ donor pledger after they have died?

No. Organs and tissues will only be retrieved if the following criterias are met:

- I. Only organs and tissues that have been consented by the next of kin or family
- II. Only organs and tissues that are in good condition and still functioning
- III. Only if there is a suitable transplant recipient

7. Can someone donate if they pass away at home?

Yes. They can still donate, but only their eyes (donation procedure will be done at home)

8. Can organs and tissues from those who died due to/with COVID-19 infection be donated?

No. Organs and tissues from the deceased with COVID-19 cannot be donated due to risk of transmission to the recipients.

9. Who can be a living donor?

In Malaysia, the Ministry of Health allows living organ donation only to your close blood relative. This includes your identical twin, your first degree relative and your second degree relative. You may also donate to your legal spouse (husband/wife).

10. Can a living donor donate their organ to someone who is not genetically related to donor?

If you wish to donate your organ to someone who is not genetically related to you or to a distant relative (a third degree relative and beyond), you will need to be evaluated by an Independent Committee appointed by the Ministry of Health. Following this evaluation, permission may or may not be granted.

11. Who cannot be a living donor?

Children and mentally disordered persons are not allowed to donate organs while they are still alive. Prisoners are also not allowed to donate organs unless in life threatening circumstances involving close relatives. This is subject to approval by the Ministry of Health and other relevant authorities.

12. What organs and tissues can be donated by living donor?

There are only two organ that can be donated by living donor which is an individual may choose to donate a kidney or part of their liver.

13. What are the advantages of living donor transplant?

A living donor transplant gives shorter waiting time since the transplant can be done as long as both donor and recipient are in the best of health for surgery. Besides, Living donor transplant surgery can be electively scheduled to suit the donor and recipient. Moreover, organs from living donors work better. Most of the time the kidney from living donor works immediately after surgery and continues to work better and longer than kidney from a deceased donor.

14. Will I be paid for donating my organ?

The sale of organ and tissues is prohibited. Any other form of money worth rewards or non financial inducements also not allowed. The Ministry of Health also will not pay you for your organ.

15. What are the risks of living organ donation?

Organ donation will not change your lifestyle in a big way. Most donors recover fully after the surgery and can do normal activities within a few weeks after the surgery.

16. How do I register for organ donation in the MySejahtera application?

- I. Log in to your MySejahtera account
- II. On the top menu of the page, click on the organ donation pledge icon
- III. Choose a primary username
- IV. Click "I want to pledge" to answer the questions
- V. Click the send button

After clicking on the submit button, the user needs to refresh the profile to see the pledge card organ donation.

17. Will the name of the next of kin filled in the form be notified if the donor registers for organ donation?

Yes, the name of the next of kin filled in the form will receive a notification about the pledge of organ donation by the donor if he/she is a verified user of MySejahtera and has set his/her phone setting to enable notification from MySejahtera.

18. Can I withdraw after registering as an organ donor?

Yes, users can opt out at any time

19. What do I need to do if I want to withdraw my organ donation registration?

Once the user has submitted the pledge form as an organ donor, the "withdraw" button will be displayed. The user can press the button to withdraw the organ donation registration.

20. If I have just withdrawn as an organ donor, can I reapply as an organ donor?

When a user applies to withdraw as an organ donor, the organ donor pledge card will turn grey for 14 days. If a user wishes to repledge again, user can only do so, 14 days after status revocation.

21. Can I pledge on behalf of my dependent?

Pledge can only be made by the main user and you cannot pledge on behalf of your dependents.

Prepared by:

MySejahtera

Ministry of Health Malaysia

Updated 4th October 2022